



قجابت قيمقن موهور بسراج



PEJABAT PENYIMPAN MOHOR BESAR RAJA-RAJA,
482, JALAN BUKIT PETALING,
50682 KUALA LUMPUR

Tel. : 03-21424947 / 03-21417270 / Faks : 03-21422080

Laman Sesawang : www.majlisraja-raja.gov.my / Emel : urusetia@majlisraja-raja.gov.my

Rujukan Kami :

Tarikh

: MRR(R)130-263/(30)

27 Oktober 2023

SEGERA

Ke Majlis,
YBhg. Datuk Suhaimi bin Sulaiman,
Ketua Pengarah Penyiaran,
Radio TV Malaysia,
Angkasapuri,
50614 KUALA LUMPUR

Puan Nur-ul Afida Kamaludin
Ketua Pengarang,
Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA),
28 Jalan 1/65A, Off Jalan Tun Razak,
50400 KUALA LUMPUR

YBhg. Dato' Sivabalan A/L Ethirmanasingham
Pengarah,
Bahagian Media dan Komunikasi Korporat,
Aras 10, Kompleks Kementerian Komunikasi dan
Multimedia Malaysia,
No. 49, Persiaran Perdana, Presint 4,
62100 PUTRAJAYA

YBhg. Datuk/Dato'/Puan,

KENYATAAN MEDIA YANG DIKELUARKAN OLEH PENYIMPAN MOHOR BESAR RAJA-RAJA MENGENAI PEMILIHAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XVII DAN TIMBALAN YANG DI-PERTUAN AGONG

... Saya dengan hormatnya menyampaikan bersama-sama ini satu salinan Kenyataan Media mengenai Pemilihan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVII dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong oleh Penyimpan Mohor Besar Raja-raja untuk disiarkan dalam akhbar dan media cetak serta radio dan televisyen.

2. Sekian, disampaikan dan saya sudahi dengan ucapan terima kasih serta salam hormat jua.

Saya yang ikhlas,

(SYED DANIAL)
PENYIMPAN MOHOR BESAR RAJA-RAJA

☎ 03- 9224 5244

✉ su@majlisraja-raja.gov.my

tssd/na-akhbar

MRR (R) 130-263

**KENYATAAN YANG DIKELUARKAN OLEH PENYIMPAN
MOHOR BESAR RAJA-RAJA BERKENAAN DENGAN
PEMILIHAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XVII
DAN TIMBALAN YANG DI-PERTUAN AGONG**

Menjunjung titah, saya memaklumkan bahawa Majlis Raja-raja dalam Mesyuaratnya Yang Ke-263 (Khas), diadakan di Istana Negara, pada hari Jumaat, 27 Oktober 2023 telah bersetuju mengisytiharkan bahawa **Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim, Sultan Johor Darul Ta'zim** telah dipilih menjadi **Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVII**, selama tempoh lima (5) tahun mulai dari tarikh 31 Januari 2024.

2. Majlis Raja-raja juga bersetuju mengisytiharkan bahawa **Duli Yang Maha Mulia Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, Sultan Perak Darul Ridzuan** telah dipilih menjadi **Timbalan Yang di-Pertuan Agong**, selama tempoh lima (5) tahun mulai dari tarikh 31 Januari 2024.

3. Mesyuarat Khas Majlis Raja-raja yang berlangsung hari ini, telah dipengerusikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu Darul Iman dan dihadiri oleh semua Duli Yang Maha Mulia Raja-raja kecuali Duli Yang Maha Mulia Raja Perlis dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan.

4. Menurut peruntukan Paragraf 3, Bahagian Pertama, Jadual Ketiga Perlembagaan, keputusan Majlis Raja-raja ini telah dikemukakan kepada kedua-dua Dewan Parlimen. YAB Perdana Menteri juga telah dimaklumkan.

Yang menjunjung titah,



(TAN SRI SYED DANIAL)
PENYIMPAN MOHOR BESAR RAJA-RAJA

Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-raja,
KUALA LUMPUR

27 Oktober 2023 / 17 Rabiulakhir 1445